



KHOON SENG (kiri) bersama Timbalan Pengarah Pembangunan JKR Sarawak, Chen Fah Sin meninjau Jalan Serian-Sri Aman yang mendap kelmarin.

Aliran air bawah jalan punca laluan mendap

KUCHING: Hujan lebat yang menyebabkan aliran air terbentuk di bawah jalan di Kilometer 77 Jalan Serian-Sri Aman dekat sini, dipercayai menjadi punca laluan itu mendap sebelum runtuh malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, laluan yang menjadi sebahagian Lebuhraya Pan Borneo itu runtuh hampir 100 meter ketika hujan lebat, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Akibatnya, pengguna yang dalam perjalanan ke Kuching atau Sri Aman terpaksa berpatah balik menggunakan laluan alternatif melalui Simpang Krait dan Slabi.

Ketua Polis Daerah Simunjan, Deputy Superintendan Jamali Umi, berkata pihaknya terpaksa menutup laluan itu berikutan ia didapati berbahaya bagi semua jenis kenderaan.

“Kita mula menutup jalan itu pada jam 8 malam semalam (kelmarin) selepas berlaku mendapan sedalam kira-kira 2.5 meter berdekatan Kampung Semungkoi.

“Pengguna yang mahu ke kawasan Utara dari Kuching boleh menggunakan Simpang Slabi, manakala yang hendak ke Kuching boleh menggunakan Simpang Krait,” katanya ketika ditemui di lokasi itu, pagi semalam.

Kejadian itu menyebabkan trafik kedua-dua arah jalan sesak teruk dengan kenderaan ter-

paksa beratur lebih 10 kilometer sehingga ke pekan Serian sebelum dapat memasuki jalan alternatif.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, yang melawat lokasi kejadian, berkata kerja membina lencongan di Kilometer 77 Jalan Serian-Sri Aman sudah dimulakan petang semalam.

Difahamkan, kerja pembinaan lencongan akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga hari.

Sementara itu, keadaan banjir di beberapa negeri semakin pulih dengan jumlah mangsa yang masih berada di pusat pemindahan di Sarawak semakin menurun berikutan keadaan cuaca yang semakin baik dan air surut.

Sehingga jam 4 petang semalam, hanya 1,185 mangsa masih tinggal di lima pusat pemindahan di Samarahan, Sri Aman dan Sarikei.

Di **JOHOR**, keadaan banjir semakin pulih apabila hanya tinggal enam pusat pemindahan di Segamat yang masih beroperasi sehingga jam 4 petang semalam, menempatkan 241 mangsa.

Di **PAHANG**, keadaan banjir tidak berubah dengan 15 mangsa masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Rompin.

Di **SABAH**, banjir yang melanda beberapa daerah semakin surut dengan semua mangsa yang berada di pusat pemindahan sementara dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, semalam.